

PROGRAM SENIOR OFFICERS QUARTERLY UPDATE

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5414-program-senior-officers-quarterly-update

KUALA LUMPUR, 11 Sep 19 – Program Senior Officers Quarterly Update telah berlangsung di Wisma Perwira ATM bagi menyampaikan input kepimpinan tertinggi ATM berkenaan perkembangan terkini isu-isu semasa dalam ATM dan Negara yang perlu dikongsikan kepada semua pegawai kanan ATM.

Selain itu, ia turut menyampaikan kemaskini oleh semua perkhidmatan, Markas Angkatan Tentera Bersama, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan dan BCJ Markas ATM ke atas semua isu semasa melibatkan pencapaian tugas yang telah dan sedang dilaksanakan.

Hadir di program ini Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin; Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Datuk Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM; Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM serta Panglima-panglima Perkhidmatan lain.





